1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos - September
2025
$2\frac{1}{2}$ jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025

# PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua Jam Tiga Puluh Minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* ***lima*** *soalan.*
2. *Jawab* ***semua*** *soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **7** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah



1223/1 © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. (a) Firman Allah SWT :

> وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكِّرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ
> بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذْ مِنْهَا
> أُولَٰئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا
> يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾
>
> (Surah Al-An'am : 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** balasan mempersendakan agama. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 *markah*]

(iii) Terangkan pengajaran ayat. [2 *markah*]

> Perbuatan mempersendakan agama masih berlaku dalam masyarakat walaupun aktiviti dakwah tersebar luas di serata tempat.

(iv) Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda mengatasi masalah ini?
[4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

> عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ :
> كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ
> وَهُوَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْؤُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَ الْخَادِمُ رَاعٍ فِي
> مَالِ سَيِّدِهِ وَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - قَالَ : وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ : وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ
> وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ
>
> (رِوَايَةُ الْبُخَارِى)

Hadis di atas menjelaskan setiap manusia perlu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud bagi kalimah bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab seorang anak kepada ibu bapa. [2 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

| |
|---|
| Suami yang menjalankan tanggungjawab akan melahirkan keluarga yang harmoni dan bahagia. |

(iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

(c) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris di bawah. [2 *markah*]

(i) ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا

(ii) وَلَا ٱلضَّآلِّينَ

2. (a) Al-Syahid merupakan antara nama Allah SWT yang indah.

(i) Apakah maksud al-Syahid? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 *markah*]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, kaitkannya dalam konteks keimanan terhadap al-Syahid. [4 *markah*]

(b) Setiap muslim wajib memelihara iman daripada terpengaruh dengan ajaran sesat.

(i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan dari aspek al-Quran dan hadis. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan ajaran sesat. [2 *markah*]

[Lihat halaman sebelah


14 pengikut Millah Abraham didakwa

Tamatkan segera riwayat ajaran Ayah Pin

Ajaran The Ahmadi bertentangan dengan syariat Islam - Mohd Na'im

*Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Malaysia, Rabu 18 September 2024*

(iv) Berdasarkan keratan akhbar di atas, apakah tindakan yang perlu dilakukan apabila ahli keluarga anda terpengaruh dengan ajaran tersebut.

[4 *markah*]

3. (a) Talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah SWT walaupun ianya dibenarkan oleh syarak.

(i) Senaraikan **dua** jenis talak. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan tempoh iddah bagi situasi berikut :

a) Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi. [1 *markah*]

b) Isteri yang bercerai hidup dan sedang hamil. [1 *markah*]


Dalam Negeri

Lebih 20% pasangan Islam alami masalah itu dalam tempoh 5 tahun hidup bersama

Trend bercerai selepas kahwin!

*Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Malaysia, Khamis 28 Disember, 2016*

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

(b) Qisas adalah salah satu daripada hukuman kesalahan jenayah dalam Islam.

(i) Apakah maksud qisas? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** hukuman qisas bagi kesalahan membunuh. [2 *markah*]

(iii) Terangkan hikmah hukuman jenayah dalam Islam. [2 *markah*]



**Pelaku buang bayi perlu hukuman berat**

*Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Harian Metro, Jumaat 18 Februari, 2022*

(iv) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]




(c) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan ibadah di atas dalam kehidupan seharian? [2 *markah*]

4. (a) (i) Senaraikan **dua** khalifah yang memimpin kerajaan Khulafa' al-Rasyidin selain Saidina Ali bin Abi Talib. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin dalam bidang ekonomi. [4 *markah*]

(iii) Saidina Ali bin Abi Talib merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh dalam mentadbir negara.
Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah


1223/1 © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

(b) (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal dalam kerajaan Umaiyah. [2 *markah*]

| |
|---|
| Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat. |

(ii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda boleh merealisasikan suasana tersebut di sekolah. [2 *markah*]

(c) Profesor Ahmad bin Ibrahim terkenal dengan ketinggian akhlaknya dalam menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.

(i) Senaraikan **dua** hasil karya Profesor Ahmad bin Ibrahim. [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah pemimpin masa kini dapat mencontohi ketokohan Profesor Ahmad bin Ibrahim. [4 *markah*]

5. (a) (i) Apakah maksud raja'? [2 *markah*]

(ii) Terangkan hikmah mengamalkan sifat khauf dan raja'. [2 *markah*]

| |
|---|
| فَلَا تَخَافُوهُمۡ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١٧٥ |
| ***Surah Ali Imran : 175*** |
| Maksud : …maka janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepada-Ku, jika kamu memang orang yang beriman. |

(iii) Berdasarkan petikan ayat di atas, huraikan hujah anda bagaimana sifat tersebut dapat melahirkan seorang mukmin yang sejati. [4 *markah*]

(b) Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa menjaga alam sekitar.

(i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Terangkan hikmah menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

[Lihat halaman sebelah



1223/1 © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*



(iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya keadaan di atas tidak dibendung?

[4 *markah*]



(c) Berdasarkan gambar di atas, huraikan peranan anda sebagai seorang rakan.

[4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**